

## Bank ahli ABM komited sedia pinjaman perumahan

**Persatuan** Bank-Bank di Malaysia (ABM) mengulangi bahawa ahlinya, yang merangkumi bank komersial yang beroperasi di Malaysia, akan terus menyokong dan menyediakan pinjaman perumahan kepada pembeli rumah yang layak, termasuk pembeli rumah kali pertama serta segmen mampu milik.

Dalam satu kenyataan, ABM berkata, ini dibuktikan oleh jumlah kelulusan pinjaman keseluruhan yang tinggi daripada bank, sebanyak RM161 bilion untuk pembiayaan rumah kepada lebih 375,000 peminjam pada 2017.

"Jelas bahawa pembiayaan masih diberikan kepada peminjam yang layak memandangkan 71 peratus peminjam membabitkan pemilik rumah mampu milik kali pertama dan ini diperkuh lagi dengan kadar kelulusan pinjaman perumahan 73 peratus pada 2017," katanya merujuk kepada artikel oleh *The New Straits Times* baru-baru ini bertajuk 'Relax financing requirement guidelines' (Pemudahan garis panduan syarat pembiayaan), gesa MIEA (Institut Ejen Hartanah Malaysia).

"Bank ahli kami terbabit dalam perniagaan pinjaman, dan oleh itu akan terus menyediakan pembiayaan kepada peminjam yang layak, pada masa sama, mematuhi garis panduan pembiayaan yang bertanggungjawab bagi mengurangkan risiko kewangan kepada bank dan peminjam supaya peminjam tidak terlalu dibebani oleh kewajipan membayar balik pinjaman," katanya.

### **Ketahui kelayakan, kemampuan**

ABM menekankan bahawa pembeli rumah perlu menyedari kelayakan dan kemampuan mereka berdasarkan kedudukan kewangan semasa dan memilih hartanah berdasarkan kedudukan itu.

"Sebab utama penolakan permohonan pinjaman, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kekurangan pendapatan untuk menyokong jumlah pinjaman yang digunakan, komitmen kewangan yang tinggi berbanding pendapatan, sejarah kredit yang buruk, dokumentasi lemah atau rekod perbankan dan ketidakupayaan untuk membayar pinjaman itu," katanya.

Pembeli rumah kali pertama dinasihatkan meneroka pelbagai skim perumahan di bawah inisiatif kerajaan bagi pemilikan rumah seperti Skim Rumah Pertamaku, Skim Jaminan Kredit Perumahan dan Perumahan PR1MA.

Persatuan itu berkata, maklumat berguna untuk pembeli rumah dalam segmen mampu milik serta data/statistik mengenai pinjaman perumahan yang diluluskan, boleh didapati di laman web Perumahan Watch, [www.housingwatch.my](http://www.housingwatch.my).

"Pembeli rumah kali pertama perlu berbincang dan bekerjasama dengan bank dan/atau pembiaya mereka bagi mendapatkan pakej pinjaman yang paling sesuai dengan keperluan dan kemampuan mereka.

"Orang ramai boleh menghubungi ABMConnect di 1300-88-5980 atau melalui eABMConnect di [www.abm.org.my](http://www.abm.org.my) untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan masalah pinjaman perumahan," katanya.

**BERNAMA**